

JADUAL PERLAWANAN SUKUM 39, 2014 UTM

16 OGOS 2014

BOLA SEPAK (PADANG UTAMA, UTM)

MASA	PERLAWANAN			TEMPAT
09:00	UUM	X	USM	PADANG 1
09:00	UniSZA	X	UTM	PADANG 2
09:00	UiTM	X	UNIMAP	PADANG 4
10:30	UTHM	X	UMK	PADANG 3
10:30	UIAM	X	UM	PADANG 4

BOLA TAMPAR (SPORT HALL 1)

MASA	PERLAWANAN			KATEGORI
09:00	UNIMAP	X	UPM	Lelaki
09:00	UNIMAP	X	UiTM	Wanita
10:30	UUM	X	UTHM	Lelaki
10:30	UKM	X	UM	Wanita
12:00	UM	X	UPSI	Lelaki
15:00	UKM	X	UIAM	Lelaki
16:30	USIM	X	UMT	Lelaki

FUTSAL (DAIMAN SPORTS COMPLEX,SKUDAI)

MASA	PERLAWANAN			KATEGORI
09:00	UMS	X	UNIMAP	Wanita
09:00	UniSZA	X	UTHM	Wanita
09:00	UTM	X	UiTM	Wanita

DART (BLOK P16, FKE, UTM JB)

MASA	PERLAWANAN			PERINGKAT
09:00	JOHAN A	X	N.JOHAN B	13
09:00	JOHAN B	X	N.JOHAN A	14
09:00	MNG 13	X	MNG 14	

BADMINTON CAMPURAN (DAIMAN SPORTS COMPLEX,SKUDAI)

MASA	PERLAWANAN			TEMPAT
09:00	UPNM	X	UUM	Gelanggang 1
09:00	UiTM	X	UMT	Gelanggang 2
09:00	UPSI	X	UPM	Gelanggang 3
09:00	UKM	X	UTM	Gelanggang 4
09:00	UM	X	UNIMAP	Gelanggang 5

TENIS CAMPURAN (AKADEMI TENIS JOHOR, TMN PERLING)

MASA	PERLAWANAN			TEMPAT
09:00	UPM	X	UNIMAP	Gelanggang 1&2
09:00	UTM	X	UiTM	Gelanggang 3&4
09:00	UTHM	X	UMT	Gelanggang 5&6
09:00	UUM	X	UKM	Gelanggang 7&8

TENPIN BOWLING (DAIMAN BOWL, JOHOR)

MASA	PERLAWANAN			TEMPAT
10:30-13:30	TRIO LELAKI			DAIMAN BOWL, JOHOR
14:00-17:30	TRIO WANITA			DAIMAN BOWL, JOHOR

17 OGOS 2014

BOLA SEPAK (PADANG UTAMA ,UTM)

MASA	PERLAWANAN			TEMPAT
15:00	J A	X	NJ C	Padang 1
15:00	NJ B	X	J D	Padang 2
14:00	J C	X	NJ A	Padang 3
15:00	NJ D	X	J B	Padang 4

BOLA TAMPAR (SPORT HALL 1, UTM)

MASA	PERLAWANAN			TEMPAT
09:00	NJ B	X	NJ C	Gelanggang 1(Lelaki)
09:00	MNG 12	X	MNG 13	Gelanggang 1(Wanita)
10:30	J C	X	NJ A	Gelanggang 1(Lelaki)
15:00	J A	X	MNG 16	Gelanggang 1(Lelaki)
16:30	MNG 17	X	J B	Gelanggang 1(Lelaki)

FUTSAL (DAIMAN SPORTS COMPLEX,SKUDAI)

MASA	PERLAWANAN			KATEGORI
09:00	J A	X	NJ C	LELAKI
10:00	NJ B	X	J D	LELAKI
11:00	J C	X	NJ A	LELAKI
12:00	NJ D	X	J B	LELAKI
14:00	J A	X	NJ B	WANITA
15:00	NJ A	X	J B	WANITA

TENPIN BOWLING (DAIMAN BOWL, JOHOR)

MASA	PERLAWANAN			TEMPAT
10:30-15:00	FOURSOME LELAKI			Daiman Bowl,Johor

BOLING PADANG (KOMPLEKS BELIA & SUKAN LARKIN, JB)

MASA	PERLAWANAN			TEMPAT
09:00-10:45 SEPARUH AKHIR	M88	X	M89	Gelanggang 1(MSIN)
	M90	X	M91	Gelanggang 2(MSIN)
	M92	X	M93	Gelanggang 3(W SIN)
	M94	X	M95	Gelanggang 4(W SIN)
	M96	X	M97	Gelanggang 5(MTRI)
	M98	X	M99	Gelanggang 6(MTRI)
10:45-12:30 SEPARUH AKHIR	M100	X	M101	Gelanggang 1(WTRI)
	M102	X	M103	Gelanggang 2(WTRI)
	M104	X	M105	Gelanggang 3(MFOU)
	M106	X	M107	Gelanggang 4(MFOU)
	M108	X	M109	Gelanggang 5(WFOU)
	M110	X	M111	Gelanggang 6(WFOU)

TENIS CAMPURAN (AKADEMI TENIS JOHOR, Taman PERLING)

MASA	PERLAWANAN			TEMPAT
09:00	NJ C	X	NJ B	Gelanggang 1&2&3
09:00	J C	X	NJ A	Gelanggang 4&5&6
15:00	J A	X	MNG 16	Gelanggang 1&2&3
15:00	MNG 17	X	J B	Gelanggang 4&5&6

BADMINTON CAMPURAN (DAIMAN SPORTS COMPLEX,, SKUDAI)

MASA	PERLAWANAN			TEMPAT
09:00	UMK	X	UPNM	Gelanggang 1
09:00	UTHM	X	UiTM	Gelanggang 2
09:00	USIM	X	UPSI	Gelanggang 3
09:00	UNIMAP	X	UKM	Gelanggang 4
09:00	UTM	X	UM	Gelanggang 5



Pengelola

Dengan Kerjasama

buletin

SUKUM 39, 2014

KEJOHANAN SUKAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA

EDISI 2

15 OGOS 2014, JUMAAT

UTM RAI KETUA KONTINJEN SUKUM 39 DALAM 'WELCOMING DINNER'

13 Ogos 2014 (Rabu) - Semua ketua kontinjen Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 39 diraikan oleh tuan rumah kejohanan SUKUM Universiti Teknologi Malaysia (UTM) malam semalam. Kejohanan SUKUM bermula 13 Ogos dan akan berakhir pada 23 Ogos ini menyaksikan pelbagai aksi hebat atlet yang merupakan kakitangan dari Universiti-Universiti Awam Malaysia dan KPM. Untuk itu selaku tuan rumah, UTM turut mengambil peluang ini dengan mengadakan Majlis Makan Malam SUKUM 39 di Balai Cera-pan, UTM sebagai tanda penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kejohanan yang berprestij ini. Turut hadir di majlis ini ialah Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman, Pendaftar UTM, Setiausaha Bahagian Sukan KPM dan Pegawai-Pegawai Kanan Universiti Awam Malaysia. Menurut Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), berkata SUKUM merupakan satu medan bagi mendukung matlamat kerajaan melahirkan pekerja-pekerja

yang sentiasa cergas, cekap, aktif, bertanggungjawab, dinamik serta cemerlang dalam pelbagai aspek. Ini kerana setiap acara sukan yang dipertandingkan mempunyai peraturan-peraturan yang telah dipersetujui oleh semua pihak yang bertanding. Di dalam sukan juga mengandungi konsep 'Fair-Play', persefahaman, disiplin, taat, daya saing, perjuangan, persediaan strategi ke arah memenangi sesuatu pertandingan. Di samping itu pihak UTM juga turut merakamkan penghargaan kepada pihak penaja yang turut memberi sumbangan dalam usaha menyemarakkan lagi perkembangan SUKUM ini. Antara pengisian majlis ini ialah persembahan karaoke oleh peserta yang hadir.

SUKUM
39



KEJOHANAN SUKUM 39 FASA 1 BERMULA



Siapakah yang bakal menggugat dan bakal menyandang juara SUKUM 39 mengikut permainan yang ditawarkan? Itu persoalan pertama yang mengiringi debaran atlet staf yang menyertai SUKUM kali ini. SUKUM 39 menyaksikan 20 buah Universiti Awam dan KPM dengan jumlah atlet hampir 3,500 orang bertanding untuk merebut pingat-pingat yang ditawarkan. Antara sukan dalam Fasa 1 ini ialah Bola Sepak, Bola Tampar, Lelaki & Wanita, Futsal, Lelaki & Wanita, Olahraga, Boling Padang Lelaki & Wanita, Badminton Campuran, Tenis

Campuran, Tenpin Bowling Lelaki & Wanita, Basikal, Basikal Veteran dan Dart. Kepada semua atlet, tuan rumah UTM mengucapkan selamat berjuang kepada semua pasukan dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.






DEFINISI BENTUK

SUKUM
Singkatan nama Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia

UTM
Penganjuran Kejohanan ini dikelolakan oleh Universiti Teknologi Malaysia

39
Bermaksud Pengelolaan Kejohanan SUKUM kali ke 39

5 BINTANG
Melambangkan usaha untuk meningkatkan sukan kearah yang tinggi

ORANG
Melambangkan staf yang aktif dalam sukan akan membantu produktiviti kepada universiti.

DEFINISI WARNA

BIRU/MERAH
Melambangkan warna bendera Negeri Johor

MAROON
Melambangkan warna Universiti Teknologi Malaysia

Sebarang masalah sila hubungi:

SEKRETARIAT SUKUM 2014
Pejabat Kolej 10
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Bahru, Johor
No. Telefon: 07-5535766 No Faks: 07-5535781

Layari
<http://www.utm.my/sukum>

MESYUARAT PENGURUS PASUKAN SUKUM 39 FASA 1

13 Ogos 2014 (Rabu) - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof. Dr. Azlan bin Abdul Rahman tanpa penat lelah telah berbesar hati berjumpa bersama semua Pengurus Pasukan Fasa 1 dan menyampaikan ucapan aluan. Taklimat dan Mesyuarat Pengurus Pasukan SUKUM 39 bertempat di Blok N24, UTM pada jam 3.00 petang.



KETIBAAN KONTINJEN SUKUM 39 KE UTM DIALU-ALUKAN

Lebih 3,500 orang atlet dan pengurus pasukan daripada 21 kontinjen Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 39 akan sampai di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru. Kejohanan SUKUM yang berlangsung bermula 13 Ogos akan berakhir pada 23 Ogos ini menyaksikan pelbagai aksi hebat atlet yang merupakan kakitangan dari universiti-universiti awam Malaysia.



Mesyuarat turut membincangkan mengenai perancangan dan persiapan serta pelaksanaan semua acara sukan yang dipertandingkan di SUKUM 39. Selepas taklimat semua Pengurus yang terlibat telah berpecah ke bilik-bilik yang telah disediakan untuk Mesyuarat Pengurus Pasukan mengikut permainan.



PENGINAPAN KONTINJEN DAN SEKRETARIAT SUKUM 39

Penginapan Kontinjen SUKUM 39, 2014 terletak di dalam Kampus Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia menyediakan enam (6) buah kolej kediaman bagi tujuan penginapan kontinjen SUKUM 39, 2014.

Jawatankuasa Penginapan SUKUM 39, 2014 UTM Sports Excellence Universiti Teknologi Malaysia Telefon (P): 07-5535789 / Fax : 07-5535781 Kolej-kolej kediaman UTM Johor Bahru yang telah dipilih sebagai penginapan kontinjen untuk SUKUM 39, 2014 yang boleh menampung kapasiti atlet dan pegawai seperti berikut:-

Bil	Kolej	Kapasiti	Penginapan
1	Kolej Tun Fatimah	542 orang	Kontinjen
2	Kolej Rahman Putra	659 orang	Kontinjen
3	Kolej Tun Razak	639 orang	Kontinjen
4	Kolej Tun Hussein Onn	725 orang	Kontinjen
5	Kolej Tun Dr. Ismail	867 orang	Kontinjen
6	Kolej 9 & 10	298 orang	Sekretariat



OLAHRAGA SUKUM 39 MEMBUKA TIRAI

14 Ogos 2014 (Khamis) - Kejohanan Olahraga SUKUM 39 telah berlangsung di Stadium UTM telah menawarkan 68 pingat emas keseluruhan. Kejohanan ini berlangsung selama 2 hari. Pelbagai acara yang dipertandingkan menyaksikan kesungguhan atlet mempamerkan bakat masing-masing. Antara acara olahraga yang berlangsung ialah lempar cakera, lontar peluru, larian 100 meter, larian 400 meter, larian 1500 meter dan 4x100 meter. Majlis Penyampaian Hadiah telah diadakan di Stadium UTM. Pegawai-pegawai yang telah menyampaikan hadiah olahraga ialah En. Ahmad Khuzaimi bin Bahari, Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Sukan, (KPM), En. Hafizal bin Abu Othman, Pengarah Sukan UNIMAP dan Dr. Rizalafande bin Che Ismail Ketua Kontinjen UNIMAP.



KEJOHANAN SUKUM 39, 14 -15 OGOS 2014

ATLET LEMPAR CAKERA TUNJUK AKSI

Semua atlet acara lempar cakera telah menunjukkan aksi yang menarik. Acara lempar cakera wanita telah dimenangi oleh Teresa Aheng (UiTM) dengan jarak lemparan 23.8 meter, pemenang pingat perak pula oleh Nurul Huda Mohd Akhir (KPM) dengan jarak 20.91 meter dan pingat gangsa dimenangi oleh Asma' Md Jaafar (UNISZA) dengan jarak 20.03 meter. Sementara itu, dalam kategori lempar cakera wanita veteran, Hanim Yahya (UKM) telah berjaya menggondol pingat emas dengan catatan jarak 18.37meter, pingat perak dimenangi oleh Dr. Masri Ayob (UKM) dengan jarak 18.1 meter dan pingat gangsa oleh Salasiah Zakaria (USM) dengan catatan jarak 13.6 meter.



LONTAR PELURU LELAKI SENIOR & VETERAN



Dalam acara lontar peluru lelaki, Muhd Malik Ahmad Tobias (UPM) telah memenangi pingat emas dengan jarak 3.43 meter, Ahmad Faizal Salim (UMP) memenangi pingat perak dengan jarak 12.64 meter dan Khairul Hafizzin Abdul Wahab (UTHM) memenangi pingat gangsa dengan jarak 12.26 meter. Manakala dalam kategori lontar peluru lelaki veteran, UTHM telah menggondol pingat emas melalui Hairul Nisat Siban dengan jarak 9.85 meter, pingat perak oleh Rahman Arhimin (UPM) dengan jarak 9.7 meter dan Mohd Fadhil Abdullah dengan jarak 9.66 meter dari UPSI.

EMAS PERTAMA TENPIN BOWLING INDIVIDU MILIK UNIMAP

Mohd Zul Fauzi bin Mohamed Sawal menjadi pemenang pingat emas individu bagi acara Tenpin Bowling Individu Lelaki pertama di dalam SUKUM 39 ini yang berlangsung di Daiman Bowl, Johor Jaya. Beliau yang mewakili atlet UNIMAP berasa amat gembira di atas kejayaan yang tidak disangka-sangka ini. Tiada yang lebih menggembirakan buatnya apabila usaha jerihnya melakukan latihan selama ini akhirnya Berjaya menyumbangkan pingat emas kepada kontinjen UNIMAP





SEKITAR
SUKUM

39

